

SOALAN NO: 47

dalam peringkat pelaksanaan dijangka siap pada suku pertama 2018. Bagi menambahbaik kelajuan jalur lebar mudah alih sedia ada, pihak Kerajaan bersama syarikat penyedia perkhidmatan sedang giat melaksanakan usaha-usaha penaiktarafan kepada liputan perkhidmatan 4G yang menyumbang kepada kualiti dan kelajuan perkhidmatan yang lebih baik. Pada ketika ini, kadar liputan 4G di Sarikei berada di tahap 54% dan kadar ini akan terus meningkat seiring dengan usaha-usaha penaiktarafan yang sedang dijalankan.

Bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, pihak Kerajaan turut menaiktaraf ibusawat di Sarikei melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB2) yang mampu menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 100 Mbps.

Kesemua inisiatif ini dijangka berupaya meningkatkan kualiti dan kelajuan perkhidmatan jalur lebar di kebanyakan kawasan Sarikei.